

30/06/1997

Lagu Melayu bergema di Istana Dowager

PENYAMPAIAN lagu Melayu oleh penyanyi genit, Li Xing dan rakan Yin Jian mempesonakan rombongan Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak pada majlis makan malam sempena penubuhan Sudut Bahasa Melayu di Beijing Royal International Club (BRIC), Beijing, China minggu lalu.

Gadis itu menyampaikan lagu nyanyian Allahyarham Tan Sri P Ramlee iaitu Bunyi Gitar.

Dia turut menyanyikan lagu Sinaran serta Lagenda yang pernah dipopularkan oleh ratu jazz negara, Sheila Majid.

Yin Jian pula berjaya menambat perhatian 200 tetamu pada malam itu dengan menyanyikan tiga lagu evergreen termasuk Joget Pahang, Getaran Jiwa, Madu Dan Racun serta Kerana.

Persembahan mereka diiringi oleh UFO, kumpulan yang dianggotai tujuh pemuzik profesional BRIC.

Kedua-dua penyanyi itu dan anggota UFO berasal dari Beijing.

BRIC yang ditubuhkan oleh kumpulan Magnum adalah kelab riadah terbuka untuk ahli korporat dan usahawan pertama di bandar raya itu.

Ia bertempat di bangunan bersejarah iaitu istana yang dijadikan tempat bercuti bagi Maharani Dowager sekitar kurun ke-19.

"Saya rasa amat bertuah apabila mendapat peluang menjadi artis residen BRIC.

"Sejak berada di sini, saya dan Yin Jian belajar menyanyi lagu Melayu selain Inggeris serta Mandarin.

"Saya berpeluang menyanyi di hadapan ramai pembesar dan orang kenamaan dari luar khususnya Malaysia yang melawat China termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata Li Xian yang meminati bahasa Melayu.

Li menambah, dia berhasrat mempelajari bahasa Melayu untuk memudahkannya menguasai penggunaan bahasa itu di samping memahami seni kata lagu yang dinyanyikan.

Menurutnya, langkah itu penting kerana dia boleh melakukan penghayatan setiap kali mengadakan persembahan.

Najib dan rombongannya berada di Beijing minggu lalu untuk berunding dengan kerajaan China berhubung kerjasama dalam bidang pendidikan dan merasmikan Pusat Bahasa Melayu di Universiti Pengajian Asing Beijing.

(END)